

23 Jun 2026

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PUSPAKOM SASAR REKRUT 100 PEMERIKSA KENDERAAN ATAU *VEHICLE EXAMINER* BAHARU UNTUK TAMPUNG PENINGKATAN PERMINTAAN PEMERIKSAAN

- PUSPAKOM menyasarkan pengambilan 100 orang Pemeriksa Kenderaan atau *Vehicle Examiner* baharu di seluruh negara bagi memenuhi peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pemeriksaan kenderaan
- Sejak diperkenalkan pada 2019, hampir 500 peserta telah berjaya menamatkan Program Intensif Pemeriksa Kenderaan atau *Vehicle Examiner Intensive Programme*, denganambilan terakhir seramai 23 pelatih yang kini sedang menjalani proses pensijilan sebelum ditempatkan di cawangan-cawangan seluruh negara

SHAH ALAM, Selasa, 23 Jun 2026 – PUSPAKOM Sdn Bhd ("PUSPAKOM") hari ini mengumumkan pengambilan 100 Pemeriksa Kenderaan atau *Vehicle Examiner* ("VE") baharu di seluruh negara bagi tahun 2026. Pengembangan strategik ini dilaksanakan meskipun berdepan ketidaktentuan ekonomi semasa, sekali gus mencerminkan keyakinan PUSPAKOM terhadap pertumbuhan jangka panjang negara serta komitmennya untuk melindungi semua pengguna jalan raya menerusi pemeriksaan kenderaan yang boleh dipercayai dan bertaraf terbaik.

Permintaan terhadap perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cekap dan tepat pada masanya terus kekal tinggi, didorong oleh peningkatan berterusan pemilikan kenderaan persendirian dan komersial, keperluan pematuhan peraturan yang sentiasa berkembang serta jangkaan orang ramai yang semakin tinggi terhadap aspek keselamatan dan kualiti perkhidmatan. Penambahan VE baharu ini dijangka membantu mengurangkan tempoh menunggu pelanggan, meningkatkan daya tahan operasi ketika tempoh puncak serta menyokong pelaksanaan inovasi perkhidmatan baharu yang diperkenalkan tahun ini.

Seiring peningkatan jumlah kenderaan dan keperluan pematuhan, ketersediaan VE yang berkecukupan memainkan peranan penting dalam memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan, mengekalkan kualiti pemeriksaan serta memperkukuh standard keselamatan jalan raya. Kapasiti pemeriksaan yang mencukupi amat penting bagi memastikan pemilik dan pengendali kenderaan dapat terus memenuhi keperluan pemeriksaan mandatori tanpa berdepan kelewatan yang boleh dielakkan.

Bagi menyokong usaha pengambilan ini, seramai 23 calon kini sedang mengikuti Program Intensif Pemeriksa Kenderaan atau Vehicle Examiner Intensive Programme ("VEIP"), iaitu program latihan dan pensijilan berstruktur yang dibangunkan untuk melahirkan VE yang kompeten dan profesional sebelum ditempatkan di cawangan-cawangan PUSPAKOM serta Perkhidmatan Trak Bergerak atau Mobile Truck Services ("MTS") di seluruh negara bagi menyokong peningkatan keperluan operasi.

MEMBANGUNKAN GENERASI BAHARU PEMERIKSA KENDERAAN

"Program ini merupakan satu pelaburan dalam modal insan, keselamatan dan kualiti perkhidmatan," kata **Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman**.

"Dengan penambahan 100 VE baharu, kami bukan sahaja mewujudkan peluang pekerjaan teknikal untuk rakyat Malaysia, malah memperkukuh misi utama kami untuk memastikan setiap kenderaan di jalan raya mematuhi standard keselamatan dan alam sekitar yang ketat. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, kami memilih untuk terus membangunkan keupayaan dalam bidang yang paling penting kepada keselamatan pengguna jalan raya."

Jawatan baharu yang diwujudkan ini akan ditempatkan di seluruh negara berdasarkan corak permintaan di setiap lokasi. Calon yang berjaya akan mengikuti latihan komprehensif di fasiliti latihan bertauliah PUSPAKOM yang merangkumi protokol pemeriksaan, penggunaan peralatan diagnostik canggih, pematuhan peraturan, pengalaman pelanggan serta aspek etika profesional.

Selain pakej gaji yang kompetitif berserta caruman KWSP dan faedah-faedah lain, calon yang berjaya turut menikmati laluan pembangunan kerjaya yang tersusun, peluang memperoleh pensijilan profesional serta pendedahan kepada teknologi pemeriksaan terkini.

"Keselamatan kenderaan dan keselamatan jalan raya merupakan tanggungjawab bersama. VE kami merupakan barisan hadapan yang membantu memastikan keselamatan keluarga, pengendali armada serta pengguna jalan raya yang lain. Pengukuhan tenaga kerja ini membolehkan pemeriksaan dilaksanakan dengan lebih pantas dan konsisten, di samping meningkatkan pengalaman pelanggan tanpa menjejaskan standard yang ditetapkan," tambah beliau.

KOHORT TERBARU VEIP SEDANG MENJALANI LATIHAN PRAKTIKAL

Ambilan ke-19 yang terdiri daripada 23 pelatih telah didaftarkan untuk mengikuti program ini pada 26 April 2026 dan telah menamatkan empat minggu latihan intensif teori sebelum meneruskan Latihan Sambil Bekerja atau On-the-Job Training ("OJT") selama dua minggu di cawangan PUSPAKOM terpilih di seluruh negara. Pelatih-pelatih kini sedang menjalani OJT dan dijangka akan menamatkan program tersebut selepas berjaya lulus dalam semua penilaian yang ditetapkan.

Peserta program akan menjalani penilaian menyeluruh yang merangkumi aspek pengetahuan teori dan kompetensi praktikal sebelum layak diperakui dan dilantik sebagai VE. Calon turut dinilai berdasarkan pengetahuan teknikal automotif, tahap profesionalisme, integriti, sikap, serta keupayaan melaksanakan tugas pemeriksaan mengikut standard yang ditetapkan.

Calon yang berjaya dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan ditawarkan jawatan sebagai VE sepenuh masa sebaik sahaja menamatkan program tersebut.

HAMPIR 500 VE DILATIH SEJAK 2019

Sejak diperkenalkan pada 2019, hampir 500 pelatih telah berjaya menamatkan VEIP dan kini berkhidmat di rangkaian cawangan PUSPAKOM serta Perkhidmatan Trak Bergerak atau MTS di seluruh negara. Program ini terus menjadi antara inisiatif pembangunan bakat utama PUSPAKOM dalam menyokong kelestarian tenaga kerja serta memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan pemeriksaan kenderaan.

Bagi menggalakkan penyertaan yang lebih meluas, semua kos berkaitan program ditanggung sepenuhnya oleh PUSPAKOM. Ini termasuk pemeriksaan kesihatan pra-pekerjaan, tiket penerbangan bagi pelatih dari Malaysia Timur serta elaun latihan bulanan sebanyak RM750 sepanjang tempoh program.

SESI TEMUDUGA TERBUKA DITERUSKAN DI SELURUH NEGARA

Sebagai sebahagian daripada usaha pengambilan berterusan, sesi temuduga terbuka bagi calon VE diadakan pada setiap hari Rabu (hari bekerja) di cawangan-cawangan PUSPAKOM di seluruh negara. Calon akan dinilai oleh wakil daripada pasukan Pengambilan Bakat dan Operasi yang terdiri daripada Pengurus Wilayah, Pengurus Cawangan dan Penyelia Operasi.

Ambilan ke-20 telah memulakan VEIP mereka pada 8 Jun 2026 sebagai usaha berterusan PUSPAKOM dalam membangunkan saluran bakat yang mampan serta melahirkan profesional

pemeriksaan kenderaan yang berkelayakan bagi menyokong keperluan operasi pada masa hadapan di seluruh negara.

Individu yang mempunyai latar belakang automotif serta minat mendalam terhadap industri ini digalakkan menghadiri sesi temuduga mingguan yang dianjurkan untuk meneroka peluang kerjaya melalui VEIP.

Calon yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan melayari www.puspakom.com.my/career/ atau menghubungi recruitment@puspakom.com.my.

- TAMAT -

LAMPIRAN GAMBAR

No & Nama Fail	Gambar	Kapsyen
1.DSC06618-A		Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman (tengah, berbaju putih), meninjau salah satu cawangan PUSPAKOM.
2.DSC06619-A		Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman (tengah), bergambar bersama kakitangan bahagian operasi.
1. DSC03906		Seorang Pemeriksa Kenderaan atau <i>Vehicle Examiner</i> ("VE") PUSPAKOM menjalankan pemeriksaan teknikal ke atas sebuah kenderaan komersial. PUSPAKOM menyasarkan pengambilan 100 VE baharu di seluruh negara bagi memperkukuh kapasiti pemeriksaan dan memenuhi peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pemeriksaan kenderaan.
2. DSC03966		Seorang Pemeriksa Kenderaan atau <i>Vehicle Examiner</i> ("VE") PUSPAKOM menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah kenderaan persendirian sebagai sebahagian daripada usaha memastikan kenderaan di jalan raya mematuhi standard keselamatan dan keperluan peraturan yang ditetapkan.
3. DSC06589		Seorang Pemeriksa Kenderaan atau <i>Vehicle Examiner</i> ("VE") PUSPAKOM menjalankan pemeriksaan menerusi perkhidmatan pemeriksaan bergerak syarikat. Graduan Program Intensif Pemeriksa Kenderaan atau <i>Vehicle Examiner Intensive Program</i> ("VEIP") akan ditempatkan di cawangan PUSPAKOM serta perkhidmatan bergerak di seluruh negara.
4. DSC06617		Kakitangan serta Pemeriksa Kenderaan atau <i>Vehicle Examiner</i> ("VE") PUSPAKOM membantu pelanggan selepas proses pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM terus memperkukuh kapasiti tenaga kerjanya bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan, kualiti pemeriksaan dan pengalaman pelanggan di seluruh negara.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

Siti Khairuddin

Ketua Komunikasi Pemasaran
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7769
H/P: 012 - 382 8550

Azimy Wan Ahmad

Ketua Komunikasi & Penjenamaan
Bahagian Komunikasi Pemasaran
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7322
H/P: 019 - 286 1486

Nik Haizan Nik Zambri

Pengurus Komunikasi & Penjenamaan
Bahagian Komunikasi Pemasaran
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 2052 7547
H/P: 012 - 262 0114

MENGENAI PUSPAKOM SDN BHD

PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan berlesen pertama di Malaysia dengan pengalaman operasi melebihi 30 tahun dalam industri automotif negara yang kini diliberalisasikan. Peranan utamanya adalah memastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat digunakan di jalan raya serta mematuhi piawaian keselamatan dan pelepasan yang ditetapkan oleh kerajaan, sejajar dengan usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan kelestarian alam sekitar.

PUSPAKOM mempunyai rangkaian operasi yang meluas di seluruh negara dengan 53 pusat pemeriksaan serta 30 tapak lawatan khusus bagi kawasan luar bandar, yang dilengkapi teknologi diperakui dan dikalibrasi. Bagi memenuhi keperluan pengguna moden dan pengendali kenderaan komersial, PUSPAKOM turut menyediakan perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak melalui 10 trak bergerak, 36 van bergerak dan 4 unit ringan, yang menawarkan perkhidmatan di lokasi termasuk pemeriksaan awal dan berkala bagi kenderaan komersial serta urusan tukar milik dan pembaharuan cukai jalan bagi kenderaan persendirian.

PUSPAKOM terus komited dalam memacu inovasi digital dan kecekapan operasi dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, profesional dan mudah diakses melalui platform bersepadu. Untuk maklumat lanjut atau untuk membuat tempahan pemeriksaan kenderaan, layari www.GiCheck.my.

FAKTA PUSPAKOM

PENGENALAN

PUSPAKOM Sdn Bhd merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan berlesen pertama di Malaysia dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di seluruh negara, selaras dengan perkembangan industri automotif yang diliberalisasikan.

MANDAT TERAS

- Menjalankan pemeriksaan kenderaan bagi memastikan kelayakan di jalan raya
- Memastikan pematuhan terhadap piawaian keselamatan yang ditetapkan Kerajaan
- Menyokong kelestarian alam sekitar melalui ujian pelepasan

RANGKAIAN NASIONAL

- 53 Pusat Pemeriksaan di seluruh Malaysia
- 30 Tapak Lawatan bagi kawasan luar bandar dan terpencil
- Liputan menyeluruh bagi memastikan akses perkhidmatan di seluruh negara

PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN BERGERAK

PUSPAKOM menyediakan perkhidmatan pemeriksaan di lokasi untuk pelanggan komersial dan persendirian:

- **10 trak bergerak - (Untuk syarikat yang mempunyai kumpulan kenderaan besar.)**
 - Sasaran: armada komersial dan pelanggan korporat
 - Perkhidmatan: Pemeriksaan Awal, Pemeriksaan Berkala, Pemeriksaan Sewa Beli (B7)
- **36 van bergerak - (Untuk pemilik kenderaan persendirian)**
 - Sasaran: pemilik kenderaan persendirian
 - Perkhidmatan: Pemeriksaan Tukar Milik, Pembaharuan Cukai Jalan, Pendaftaran Kenderaan Import
- **4 unit ringan**
 - Menyokong keperluan penugasan fleksibel dan pantas

PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH (Ancillary Services)

PUSPAKOM menawarkan pelbagai perkhidmatan sampingan yang dirancang bagi menyokong keperluan komersial, operasi serta penglibatan pelanggan, termasuk:

- **Perkhidmatan Pengiklanan dan Sewaan Ruang**
 - Pelbagai pilihan pengiklanan dan sewaan ruang yang komprehensif, disesuaikan mengikut keperluan pemasaran. Ini merangkumi penempatan luar berimpak tinggi serta pendedahan di lokasi dan secara mobil, bagi memberikan keterlihatan yang disasarkan kepada pelanggan di seluruh rangkaian PUSPAKOM di seluruh negara
- **Perkhidmatan Insurans Kenderaan dan Pembaharuan Cukai Jalan**
 - Perkhidmatan pembaharuan insurans kenderaan dan cukai jalan yang mudah dan pantas, bagi meningkatkan pengalaman pelanggan melalui penyediaan penyelesaian nilai tambah yang lancar di semua titik sentuhan PUSPAKOM
- **Perkhidmatan Perundingan Pengurusan Kenderaan (VMCS)**
 - Program latihan dan kesedaran yang berstruktur, bertujuan meningkatkan aspek keselamatan kenderaan, pematuhan peraturan serta kecekapan operasi bagi organisasi yang menguruskan armada kenderaan, selain turut memberi manfaat kepada orang awam

AKSES DIGITAL DAN TEMPAHAN

- Laman web rasmi: www.puspakom.com.my
- Tempahan dalam talian melalui www.GiCheck.my
- Tempahan pukal dan korporat melalui: marketing@puspakom.com.my

KEUPAYAAN DAN STANDARD

- Penggunaan peralatan pemeriksaan yang diperakui dan dikalibrasi
- Pematuhan kepada rangka kerja kawal selia dan standard yang ketat
- Pelaksanaan protokol pemeriksaan yang seragam di seluruh negara

SEGMENT PELANGGAN

- Pemilik kenderaan persendirian
- Pengendali armada komersial
- Syarikat logistik dan penghantaran
- Pengangkutan awam termasuk bas dan teksi
- Pemandu e-hailing
- Institut memandu

- Pengedar dan pengimport automotif

KOMITMEN PERKHIDMATAN

- Penyampaian perkhidmatan yang pantas dan cekap
- Tenaga kerja pemeriksa yang profesional dan terlatih
- Akses perkhidmatan yang lebih luas melalui saluran fizikal dan bergerak

FOKUS STRATEGIK

- Memperkukuh keselamatan jalan raya di peringkat nasional
- Menyokong pematuhan terhadap keperluan alam sekitar
- Memperluas integrasi digital dan akses perkhidmatan
- Meningkatkan kecekapan operasi dalam landskap industri yang diliberalisasikan